

Program Kolaborasi “Interschool”:1 Hari 1 Info Unit Bimbingan Dan Kaunseling Sekolah Menengah



07 Ogos 2021 – Dalam usaha pihak sekolah menyampaikan maklumat kepada pelajar mengenai kerjaya, akademik, sahsiah dan meningkatkan motivasi pelajar untuk terus aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran secara atas talian, Unit Bimbingan dan Kaunseling Smk Mutiara telah membentuk kolaborasi bersama 4 buah sekolah yang lain iaitu SMK Mutiara, Wilayah Persekutuan Labuan bersama SMK Bandar Baru Sultan Suleiman, Selangor, SMK Kerambit, Pahang, SMK Taman Putri, Johor dan SMK Kelapa Sawit, Johor untuk berkongsi maklumat dalam aspek yang telah dinyatakan setiap hari kepada pelajar daripada 5 buah sekolah ini.

Kolaborasi ini dibentuk dan dilaksana berobjektifkan peningkatan kaedah penyampaian info dan motivasi kepada sekolah yang terlibat sekaligus mengukuhkan lagi

kerjasama antara 5 buah sekolah ini. Program ini telah bermula sejak 17 Mei 2021 dan pelbagai maklumat serta aktiviti peningkatan motivasi telah dijalankan melibatkan 5 buah sekolah ini antaranya adalah Gegar Motivasi bersama guru bimbingan dan kaunseling pada setiap hari Isnin, kupasan isu minda sihat daripada penceramah yang pakar dalam isu berkaitan, sesi lawatan secara maya ke tempat menarik di dalam negara, perkongsian bahan kerjaya, pengurusan diri dan emosi serta maklumat terkini dunia pendidikan di media sosial dan akhir sekali, Program 1 Hari 1 Info iaitu perkongsian video pelbagai bidang dan kuiz e-sijil pada setiap hari.

Menurut Guru Bimbingan dan Kaunseling SMK Mutiara iaitu Encik Ahmad Radzi bin Ab Halim dan Puan Normaisaraf binti Abdul Rashid, program ini bukan sahaja memberi kelebihan kepada pelajar tetapi juga terhadap guru bimbingan dan kaunseling daripada sekolah yang terlibat kerana penyampaian maklumat dapat diberikan secara berterusan kepada pelajar dan komuniti tanpa membebangkan skop tugas guru bimbingan dan kaunseling yang sedia ada kerana maklumat yang diberikan adalah bersifat penggiliran mengikut tema tertentu setiap hari. Pengetua SMK Mutiara, En. Yahya Bin Ahmad Puteh berkata, "program serupa ini adalah sangat baik bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga kepada perkhidmatan Unit Bimbingan dan Kaunseling amnya".



Encik Yahya bin Ahmad Puteh, Pengetua SMK Mutiara menyampaikan ucapan penghargaan dalam salah satu program kolaborasi "interschool":1 hari 1 info Unit Bimbingan Dan Kaunseling Sekolah Menengah kepada guru bimbingan dan kaunseling serta pelajar sekolah terlibat

Kaedah penyampaian maklumat terhadap pelajar adalah berbentuk bebas mengikut kreativiti sekolah masing-masing dan pautan bagi mengakses perkongsian tersebut adalah melalui laman media sosial (*facebook*) unit bimbingan dan kaunseling sekolah masing-masing,"perkongsian boleh dilihat melalui *facebook* UBK Smk Mutiara bagi pelajar SMK Mutiara", ujar En. Ahmad Radzi Bin Abdul Halim, selaku guru bimbingan dan kaunseling SMK Mutiara.

Program ini telah mendapat sambutan yang sangat memberansangkan daripada para pelajar 5 buah sekolah yang terlibat. En. Mohd Hasrul Bin Mohd Redzuan, guru bimbingan dan kaunseling pelatih dari Universiti Putra Malaysia yang kini menjalankan latihan di SMK Mutiara berkata,"kerjasama para pelajar sangat baik dalam semua program yang telah dijalankan setakat ini, walaupun beberapa program terpaksa dijalankan pada sebelah malam namun jumlah penglibatan masih sangat ramai dan memberansangkan". Pihak sekolah akan terus berusaha membantu pelajar sedaya upaya walaupun pada era pandemik

yang melanda dunia agar kemenjadian murid akan terus terbilang.

Berita Oleh : SMK Mutiara